

24/01/1998

Pilihan raya waktu gawat tidak mungkin

DALAM keadaan rakyat sibuk dengan pelbagai masalah, agak janggal juga mendengar sesetengah pihak membuat ramalan rambang kononnya kerajaan akan mengadakan pilihan raya umum mengejut tahun ini. Mengapakah spekulasi itu timbul? Biasanya parti berkuasa mengadakan pilihan raya umum secara mengejut dalam satu-satu keadaan yang menguji kewibawaannya. Satu pilihan raya baru akan memberi kesempatan kepada parti berkuasa mendapat mandat baru daripada rakyat. Jika mandat itu kuat, ini memberikannya keyakinan untuk menjalankan dasarnya yang sesetengahnya mungkin tidak digemari rakyat. Sehubungan ini spekulasi sesetengah kalangan bahawa kerajaan mungkin mengadakan pilihan raya umum secara mengejut seolah-olah memberi pengertian kedudukan kerajaan BN kini sedang teruji kuat hingga memaksanya meminta mandat baru untuk melaksanakan program memulihkan ekonomi negara.

Spekulasi ini disangkal oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir sendiri. Sebenarnya spekulasi itu tidak sedikitpun berpijak pada kenyataan politik dalam negara kita sekarang, menimbangkan kemantapan dan sokongan bulat rakyat daripada pelbagai lapisan terhadap program kerajaan mengatasi kemelut ekonomi sekarang. Kepemimpinan Perdana Menteri menerima sokongan bulat daripada rakyat sedangkan setiap langkah kerajaan menepati keperluan dan kehendak keadaan luar biasa yang kita hadapi sekarang.

Sehubungan itu kita dapat melihat betapa telitinya Umno mengadakan persiapan untuk menghadapi pilihan raya parti. Sedapat mungkin gejala 'politiking' dalam pilihan raya Umno akan dibatasi demi memelihara perpaduan ahli Umno. Kemantapan parti amat penting demi menghadapi cabaran getir tahun akan datang terutama dalam peringkat sekarang yang menuntut kita menyesuaikan diri dengan cabaran dan ujian getir akibat kegawatan ekonomi. Dalam keadaan seperti ini tugas mempertahankan keutuhan parti adalah sumbangan besar kepada usaha mempertahankan kestabilan politik negara.

Dalam keadaan demikian, tentu tidak masuk akal kita memerlukan satu pilihan raya umum secara mengejut. Isu pilihan raya umum tidak relevan dalam keadaan sekarang melainkan seperti di Sabah, barangkali pilihan raya baru akan terlaksana menurut jadual.

Keadaan kita sekarang memerlukan kepemimpinan negara yang mantap dan stabil. Bahkan jika kita menganggap keadaan sekarang sebagai darurat kita memerlukan kepemimpinan yang kuat. Hanya kepemimpinan negara yang kuat kewibawaannya lahir daripada sokongan mantap rakyat, kita akan mampu menangani masalah rumit yang diakibatkan kemelut ekonomi sekarang serta memulihkannya dalam masa sesingkat mungkin.

Kini tanda menunjukkan pemulihan lebih cepat daripada jangkaan kebanyakan kita. Kita melihat masalah ekonomi rantau ini kini mulai mendapat perhatian Amerika dan kuasa Barat yang lain.

Kegawatan ekonomi rantau ini tidak dianggap sebagai masalah kejatuhan nilai ringgit atau rupiah dan baht saja. Krisis ekonomi rantau ini disedari kuasa besar seperti Amerika sebagai masalah mempunyai dimensi keselamatan.

Setiausaha Pertahanan Amerika William Cohen berkata di Bangkok kelmarin keadaan ekonomi tidak stabil di rantau ini sekarang mengandung bibit mengancam keselamatan rantau Asia Tenggara. Beliau berjanji Amerika akan terus memberikan sokongan kepada negara terbabit untuk mengawal keselamatan mereka. Suara seperti ini tidak pernah terdengar beberapa waktu lalu. Kebimbangan Barat terhadap kemelut ekonomi negara rantau ini

kian mendalam berikutan perkembangan baru di Indonesia.

Jika ekonomi negara itu tidak diurus dengan bijaksana, ia mungkin mengancam institusi kerajaannya. Keadaan tidak stabil dalam sebuah negara sebesar Indonesia bukan suatu masalah kecil. Ia boleh menggegarkan seluruh rantau ini dan kesannya akan dirasakan hingga ke Amerika dan Eropah. Kebimbangan terhadap gelora di Indonesia dapat kita lihat daripada tekanan pemimpin seperti Clinton ke atas Presiden Suharto supaya melaksanakan sepenuhnya saranan IMF untuk memulihkan negara itu. Mujur juga Indonesia selesai mengadakan pilihan raya umum yang berakhir dengan meletakkan Golkar sebagai parti memerintah secara mutlak. Kita dapat bayangkan kesan kemelut ekonomi yang dialami oleh Indonesia sekarang kepada kestabilannya seandainya pilihan raya umumnya diadakan dalam keadaan sekarang. Begitu pun mulai kedengaran suara meminta Suharto mengundurkan diri. Walaupun suara itu tidak mampu menggugat kedudukan Suharto, tidak dinafikan ia menyumbang kepada keadaan tidak menentu di negara itu. Soalnya sejauh mana bantuan IMF dapat meninggalkan kesan positif kepada ekonomi negara itu dan bilakah bantuan serta usaha kerajaan Indonesia membawa perubahan kepada pemulihan ekonominya?

Pemulihan ekonomi mungkin terselenggara secara terancang dalam keadaan dan sekitaran yang stabil. Bekas Setiausaha Negara Amerika, Henry Kissinger menyatakan gejala anti-Amerika mungkin timbul di tengah-tengah krisis ekonomi di Asia sekarang sekiranya pertolongan IMF tidak dikendalikan secara bijak dan teliti. Walaupun menurutnya kemungkinan ini hanya andaian tetapi kini berlaku di Korea Selatan, di Thailand dan di Indonesia, semangat patriotik mulai timbul dan dikerah oleh kerajaan masing-masing.

(END)